



SIARAN MEDIA

"KPWKM TERUS KOMITED TERHADAP KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN WARGA EMAS DAN KANAK-KANAK"

JOHOR BAHRU, 3 OKT - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini sedang giat dalam usaha menambahbaik persekitaran dan perlindungan yang menyokong warga emas dan kanak-kanak termasuklah menyediakan infrastruktur mesra warga emas, menambahbaik mutu perkhidmatan yang melibatkan penjagaan dan perlindungan kanak-kanak untuk melindungi kanak-kanak daripada didera, ditinggalkan dan diabaikan.

Menurut Menteri, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, dengan adanya penubuhan satu *Task Force Ramping Up The ECCE* bagi tujuan membincangkan isu-isu, cabaran dan penambahbaikan secara holistik mengenai pengoperasian dan kualiti di TASKA ianya telah bertindak sebagai pemudah cara bagi penubuhan TASKA agar sasaran untuk menubuhkan TASKA yang berdaftar serta perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang lebih berkualiti.

"Program kesedaran mengenai penjagaan warga emas juga tidak dilupakan malah akan diperkukuhkan lagi demi memastikan golongan warga emas sentiasa berada dalam kondisi sejahtera seperti hasrat Kementerian untuk mewujudkan perkhidmatan yang dinamakan *Respite Care* iaitu satu perkhidmatan alternatif kepada waris dan penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaan institusi JKM bagi satu tempoh tertentu disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara agar warga emas ini tidak terus terabai," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar di Majlis Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan 2015 di sini, hari ini.

"Adalah menjadi hasrat Kementerian agar budaya masyarakat penyayang tidak tenggelam bersama arus pembangunan, sebaliknya merupakan satu indikator yang menjadi kebanggaan sesebuah negara maju dan bertamadun," kata Rohani.

Tambah beliau lagi, Kementerian telah mengambil beberapa inisiatif antaranya melatih penjaga warga emas mengikut standard kemahiran kebangsaan atau lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard (NOSS) For Elderly Care*

Embargo sehingga jam 12.30pm, 3 Oktober 2015

Centre Operation Level 3 bagi meningkatkan kualiti penjagaan warga emas di institusi.

“Bagi kanak-kanak pula, KPWKM telah mula mengadakan kerjasama dengan pusat pengajian tinggi untuk menyelaraskan silibus Kursus Asuhan Permata yang dikendalikan oleh JKM bagi melahirkan pengasuh dan pengusaha TASKA yang berpendidikan tinggi serta profesional bagi memberi tumpuan serius terhadap aksesibiliti dan prasarana bagi kanak-kanak yang berumur bawah 4 tahun agar kumpulan ini mendapat perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti,” katanya.

Majlis yang bertemakan ‘*Sayang Kamu*’ ini dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru. Pada kemuncak majlis tersebut juga turut menyaksikan penyampaian anugerah kepada warga emas dan kanak-kanak yang layak iaitu terdiri daripada Anugerah Pingat Hang Tuah bagi kanak-kanak dan Anugerah Khas Warga Emas bagi warga emas.

Lain-lain anugerah yang turut disampaikan ialah Anugerah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cemerlang untuk PAWE yang telah melaksanakan dan memainkan peranannya dengan cemerlang dalam meningkatkan kualiti hidup warga emas manakala bagi kanak-kanak pula anugerah yang diberikan ialah Anugerah Tunas Jaya Kebangsaan (Akademik) Anugerah Tunas Jaya Kebangsaan (Budaya) dan Anugerah Tunas Jaya Gemilang OKU (Terbuka).

Turut hadir sama menjayakan majlis tersebut ialah YAB Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor dan isteri, YBhg Dato’ Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM.

####

Disediakan oleh	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Aras 6,9-18, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.
No. Telefon	:	019-233 3110 (Haneem)/ 01-216 4031 (Ain)
Tarikh dikeluarkan	:	3 Oktober 2015

Embargo sehingga jam 12.30pm, 3 Oktober 2015